



MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN LAWAT PROJEK PKINK

ADA 18 Zulkaedah 1420 bersamaan 24 Februari 2000, YB Dato' Mohd Nazri Tan Sri Aziz, Menteri Pembangunan Usahawan yang baru dilantik berikutan rombakan kabinet selepas pilihanraya umum lalu telah melakukan lawatan kerja sehari ke Kelantan. Lawatan tersebut merupakan kunjungan pertama beliau setelah dilantik ke portfolio berkenaan. Memanfaatkan waktu yang singkat, Yang



telah mendengar taklimat yang disampaikan En. Mohammad Naim Mamat salah seorang Pengurus Kanan PKINK. Taklimat tersebut menyentuh termasuk mengenai status dan kemajuan projek serta rancangan pembangunan yang telah dikemaskinikan.

Berhormat Menteri telah melawat beberapa projek yang telah dan sedang dijalankan oleh agensi-agensi di bawah KPU. Manakala projek yang sedang dijalankan oleh PKINK, Yang Berhormat Menteri telah melawat projek Desa Batik di Tumpat.

ISSN 0127-3256



S e m a s a



PESANAN KORPORAT



Ada 6 April 2000 ini, umat Islam di seluruh dunia bakal meraikan kedatangan tahun baru hijrah yang ke 1421. Rata-rata masyarakat mengingati tarikh ini sebagai detik permulaan hasrat Rasulullah (saw) untuk melakukan penghijrahan secara fizikal dari Mekah ke Madinah tetapi hakikatnya ramai lagi yang belum benar-benar menghayati pengertian 'hijrah' itu sendiri dan sekaligus mengambil pengajaran juga iktibar dari peristiwa tersebut.

Hijrah yang dimaksudkan ini bukanlah sekadar perpindahan secara geografi tetapi ianya diperintahkan Allah s.w.t. demi menegakkan masyarakat dan negara baru yang mengamalkan sistem kehidupan rabbani setelah ribuan tahun ditenggelami oleh lumpur jahiliyyah. Dalam bahasa moden, penghijrahan yang dilakukan ini merupakan suatu peralihan paradigma yang boleh diertikan sebagai satu revolusi yang merubah asas pemikiran daripada cara lama kepada cara yang baru. Kita sering dibendung oleh cara tradisional dalam melakukan sesuatu dengan alasan *'that's the way we always do things around here'* dan setiap pembaharuan yang cuba dilakukan tidak akan membuahkan hasil yang ketara kerana masih berasaskan kepada tradisi tersebut.

Demi menghayati sekelumit dari maksud hijrah ini, Kerajaan Kelantan di bawah pimpinan YAB Tuan Guru Dato' Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat telah melahirkan hasrat untuk menghidupkan paradigma penghayatan tarikh hijrah yang telah lama ditinggalkan ini dengan menjadikannya suatu penguatkuasaan dan diperluaskan penggunaannya dalam segala urusan khususnya dalam urusan surat menyurat Kerajaan Negeri.

Mungkin arahan ini nampaknya agak canggung untuk dilaksanakan tetapi itulah peralihan paradigma kerana hakikat perubahan sememangnya tidak dapat dielakkan..... *it may be unacceptable but inevitable*. Naluri kemanusiaan biasanya tidak suka kepada perubahan kerana ianya amat payah untuk dilakukan dan memerlukan pengorbanan. Namun begitu, kepayahan dan pengorbanan yang lebih besar telah dilalui oleh kaum Muhajirin Makkah yang sanggup meninggalkan harta benda serta sanak saudara demi memartabatkan Islam sebagai Ad-Deen. Penghijrahan minda tidak memerlukan pengorbanan sedemikian rupa, juseru itu YAKIN BOLEH !

Salam Editor

Sidang Editor

Pemanggi:
En. Wan Zulkifle b. Wan Yusoff

Ketua Editor:
Hj. Hanifa Ahmad

Editor:
Tn. Hj. Baharuddin Harun

Pen. Editor:
En. Mohd. Adilan Mat Jusoh
Pn. Ahlaami Hj. Ab. Halim
Pn. Nik Farzimar Nik Omar
Pn. Teh Marlam Mohamed
En. Wan Azizan Wan Yaakub
YM. Tengku Petra Tengku Wook
En. Mohd Ramli Hj. Hamzah

Jurufoto:
En. Rusli Hj. Ismail

Berita Kumpulan PKINK
diterbitkan oleh:
**BAHAGIAN SUMBER MANUSIA
PERBADANAN KEMAJUAN
IKTISAD NEGERI KELANTAN**
Tingkat 8-11, Bangunan PKINK
Jalan Tengku Maharani
Peti Surat 142
15710 Kota Bharu
Kelantan Darul Naim.

Rekabentuk dan Dicitak oleh:
PERCETAKAN & PERNIAGAAN
NIK DAUD SDN BHD
3512-P, Jalan Sultanah Zainab
15050 KOTA BHARU
KELANTAN DARULNAIM

Tel : 09-7483466
Fax : 09-7447233

PERJANJIAN USAHASAMA PROJEK SUPERPORT DI PANTAI SENOK



ada 18 Syawal 1420 bersamaan 25 Januari 2000, Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) melalui syarikat anaknya KELOIL SDN. BHD. telah menandatangani Perjanjian Usahasama dengan ASIAN STAR DEVELOPMENT INCORPORATED dan PRESTASI HARMONI SDN.

BHD. bagi pembinaan projek 'SUPERPORT' di Pantai Senok, Bachok. Usahasama tersebut merupakan alternatif atau jalan keluar bagi Keloil untuk mendapatkan sumber biaya serta tenaga-tenaga pakar untuk

membina dan menyiapkan projek tersebut. Projek berkenaan akan berperanan sebagai pemangkin bagi menjalankan kerja-kerja pembinaan projek 'Superport'. Perjanjian tersebut telah ditandatangani oleh YB. Ustaz Ab. Halim Ab. Rahman dan En. Wan Zulkifle Wan Yusoff bagi pihak Keloil, En. Stephen Chow mewakili Asian Star dan En. John Ranko Lozo yang mewakili Prestasi Harmoni turut menyediakan kemudahan Pinjaman Tanpa Faedah kepada Keloil berjumlah RM12,500,000.00. Apabila dibangunkan nanti, projek 'Superport' akan dilengkapi dengan komponen-komponen seperti :-

- Kelengkapan dan kemudahan Marine
- "Tank Farm Projects"
- Pusat Pembekalan
- Kemudahan Pemprosesan Petrokimia Secara Bersepadu
- "Linear AlkalyI Benzene (LAB) Production Plant"
- Lain-lain kemudahan Dalam Industri Gas Asli



TAKLIMAT DAN LATIHAN PEMBIMBING PROGRAM USAHAWAN MUDA

PKINK dilantik oleh Kementerian Pembangunan Usahawan (KPU) sebagai sekretariat Program Usahawan Muda (PUM) peringkat negeri Kelantan sejak tahun 1996, kini telah berjaya memantau serta melaksanakan PUM dengan pelbagai program sokongan bagi memastikan PUM terus berkembang. Sebagai persediaan bagi melaksanakan PUM tahun 2000, PKINK telah menganjurkan Sesi Taklimat Dan Latihan Pembimbing PUM pada 14-17 Februari 2000 bertempat di Perdana Resort, Kota Bharu. Program itu telah dirasmikan oleh Tuan Hj. Wan Yahya Wan Salleh, Timbalan Ketua Eksekutif (P&P), PKINK. Turut hadir dimajlis perasmian tersebut, Ustaz Mohd. Mansor Hj. Daud (Ketua Penolong Pengarah Pendidikan, Yayasan Islam Kelantan) serta wakil Jabatan Pendidikan Kelantan (JPN).

Sesi tersebut adalah gabungan Sesi Taklimat Pelaksanaan PUM untuk 12 orang pengetua serta *Training of Trainers 1 (TOT)* yang dikhususkan untuk 24 guru pengelola dari sekolah yang terpilih mengikuti program tersebut tahun 2000. Selain guru-guru pengelola, 12 orang pegawai PKINK serta syarikat anak dipilih sebagai penasihat turut mengikuti kursus empat hari tersebut yang bermula jam 8.00 pagi - 11.00 malam. Pelbagai ceramah telah dirangka bagi memberi pengetahuan serta persediaan kepada guru-guru pengelola dan para penasihat bagi melaksanakan program tersebut di sekolah masing-masing. Antaranya Struktur Pelaksanaan, Penubuhan Syarikat, Modus Operandi, Jenis Perniagaan, Kreaviti, Perakaunan, Rancangan Perniagaan serta Pembubaran Syarikat. Ceramah-ceramah tersebut telah disampaikan oleh En. Rusli Ismail dari PKINK, dua orang pegawai dari KPU iaitu Puan Hatija Bebe Abdul Majid serta En. Rizal Mohd Hanapiah dan juga dua orang penceramah jemputan dari MEDEC.

Pada tahun 2000, dianggarkan sekurang-kurangnya 300 pelajar dari sekolah di bawah JPN dan YIK akan didedah serta dilatih menjalankan berbagai aktiviti perniagaan. PKINK berharap pelajar terbabit akan menjadi pengusaha yang berwibawa dan berjaya kelak.



MAJLIS PEMANTAUAN BELIA NIAGA



elaras dengan komitmen berterusan PKINK dalam usaha membangun serta melahirkan lebih ramai usahawan bumiputra, satu majlis Pemantauan Belia Niaga telah diadakan pada

5 Mac 2000 bertempat di Hotel Ansar, Kota Bharu. Majlis tersebut dianjurkan bertujuan untuk memantau serta menjalinkan ikatan ukhuwah yang erat dan berkekalan di kalangan bekas peserta-peserta **Kursus Asas Belia Niaga** yang diadakan pada 18-21 Julai 1999 di Bukit Sireh, Kuala Krai. Pertemuan semula para usahawan belia tersebut diharapkan akan dapat mewujudkan *networking* di kalangan peserta ke arah perkongsian idea dan peluang-peluang

perniagaan untuk dimanfaatkan bersama.

Tuan Haji Wan Yahya Wan Salleh, Timbalan Ketua Eksekutif PKINK telah meluangkan masa untuk merasmikan majlis tersebut. Semasa ucapan perasmian, beliau mengingatkan para peserta tentang perlunya perubahan sikap serta budaya segelintir pengusaha bumiputera, mengambil jalan mudah untuk memperolehi keuntungan segera dengan menjual projek yang diperolehi. Selain itu, penyediaan *business plan* amat perlu bagi merangka perancangan untuk menjalankan perniagaan. Beliau juga menekankan tentang pentingnya kesedaran di kalangan usahawan muslim untuk mengeluarkan produk-produk halal bagi memenuhi tuntutan fardhu kifayah. Di samping itu, beliau turut memberi contoh beberapa pengusaha bukan bumiputera yang dahulunya hanya bekerja sebagai pengangkat barang dan pembbaiki basikal, kini telah berjaya memiliki perniagaan besar, ekoran usaha gigih serta komitmen tinggi.

Dalam majlis tersebut, dua sesi ceramah telah diatur bagi memberi pendedahan serta maklumat terbaru berkaitan perniagaan iaitu **Pengurusan Syarikat** dan **Proses Pinjaman Kewangan**. Ceramah tersebut telah disampaikan oleh En. Rasdi Hassan dari UB Consult Sdn. Bhd. dan juga En. Sulaiman, Pengurus Bumiputra-Commerce. Ternyata maklumat-maklumat yang disampaikan dapat menarik minat para peserta kerana ia berkaitan langsung dengan bidang-bidang perniagaan yang sedang mereka ceburi.

PROGRAM PEMBANGUNAN SISTEM PAYUNG 'PERABOT'



eluang perniagaan dalam industri pembuatan perabot kayu getah di Kelantan masih belum diceburi sepenuhnya, biarpun bekalan kayu getah gergaji bagi industri ini di Malaysia banyak diperolehi dari Kelantan.

Menyadari akan perolehan keuntungan tinggi melalui industri tersebut, ahli-ahli **Kelab Usahawan Muda Tanah Merah** dengan kerjasama **PKINK** telah mengambil inisiatif memjeput sebuah syarikat pengeluar dan pengeksport perabot yang dimiliki oleh syarikat dari Jepun iaitu **KDA Industry Sdn. Bhd** untuk menghadiri satu majlis perbincangan bagi mengenalpasti peluang-peluang perniagaan yang dapat dimanfaatkan. Program tersebut dijalankan melalui sistem payung. Syarikat **KDA** yang menjalankan operasi di **Nilai, Negeri Sembilan** dengan 100% produknya dieksport ke Jepun, diwakili Pengarah Urusannya iaitu **En. Naoharu Kataoka** serta dua orang pegawai kanan.

Majlis tersebut telah diadakan pada 1 Mac 2000 bertempat di **Dewan TNB, Tanah Merah**. Seramai 30

orang peserta yang terdiri dari ahli-ahli **Kelab Usahawan Muda**, wakil industri serta pegawai dari beberapa buah agensi yang berkaitan seperti **PNS, MARA** dan **MTIB** turut hadir bagi memberi sokongan untuk menjayakan program tersebut.

Melalui program tersebut, dijangka sebanyak 10 syarikat dilantik sebagai anak payung dan akan menerima latihan serta tunjuk ajar di sebuah kilang milik **KDA Industri** di Kelang bagi memastikan produk yang dihasilkan memenuhi kualiti serta kriteria ditetapkan. Pihak **KDA Industri** mengharapakan program tersebut dapat dilaksanakan secepat mungkin bagi memenuhi tempahan dari kerajaan Jepun yang bernilai berjuta ringgit.

Tuan Hj. Wan Yahya Wan Salleh, Timbalan Ketua Eksekutif PKINK turut hadir bagi menunjukkan sokongan serta komitmen **PKINK** selaku agensi pelaksana untuk membangunkan usahawan dalam industri perabot di Kelantan.

ANGGOTA-ANGGOTA PERBADANAN TERIMA ANUGERAH KHIDMAT CEMERLANG DAN ANUGERAH KHIDMAT LAMA



Senaga kerja berkualiti merupakan satu konsep yang perlu diberi perhatian serius oleh setiap organisasi, pihak pengurusan dan keseluruhan anggota kerja PKINK. Ia penting bagi membentuk kepekaan serta mewarnai kegemilangan, sejajar dengan usaha-usaha pembangunan yang telah dirancang dan dijalankan demi untuk mencapai status negara maju pada tahun 2020 nanti.

Penilaian pencapaian prestasi anggota-anggota PKINK telah selesai dilakukan. Segala debaran dan tandatanya tentang siapa yang layak dan berhak telah mengakhiri pencarian bagi pihak pengurusan dan penantian di kalangan anggota. Setelah melalui beberapa proses seperti penilaian am, saringan, penyenaian akhir serta disenarai pendek untuk penilaian khusus, anggota-anggota PKINK yang layak telah menerima anugerah kecemerlangan dan diraikan pada Majlis Makan Tengahari pada 20 Januari 2000.

Tiga orang anggota dianugerahkan pergerakan gaji secara MELINTANG, ganjaran tunai sebulan gaji, Akaun ASN RM300.00 dan barangan bernilai RM300.00. Mereka ialah :-

1. Puan Nik Farzimar Nik Omar
2. En. Mohd. Asiff Mohd. Idris
3. Che Soriati Yaacob.

Sementara itu lima orang anggota telah dianugerahkan pergerakan gaji secara MENEGAK, ganjaran tunai setengah bulan gaji, Akaun ASN RM300.00 dan barangan bernilai RM300.00. Mereka ialah :-

1. Tuan Hj. Wan Yahya Wan Salleh
2. Tuan Hj. Nik Mustapha Muhamad
3. En. Rusli Hj. Ismail
4. Cik Meriam Omar
5. En. Ahmad Farid Mahmood

Pada majlis yang sama, seramai 15 orang anggota yang telah berkhidmat dengan PKINK selama 18 tahun menerima anugerah khidmat lama berupa barangan bernilai RM500.00. Mereka ialah:-

1. Puan Anizam Ab. Rahman
2. En. Mohd. Sepri Abas
3. En. Zainal Ab. Rahim
4. En. Mohd. Ghazali Mahmood
5. Puan Ramla Salleh
6. En. Sakri Ab. Rahman
7. Tuan Hj. Baharuddin Harun
8. Che Yahya Che Daud
9. En. Mahadi Che Muda
10. Tuan Hj. Zaim Hj. Abdullah
11. Puan Hajah Azizah Daud
12. Che Mustapha Wan Omar
13. Tuan Hj. Hassan Said
14. En. Abdullah Che Husin
15. En. Zahari Jusoh

Pihak pengurusan dan keseluruhan anggota PKINK mengucapkan syabas dan setinggi-tinggi tahniah buat mereka yang berjaya menerima anugerah tersebut. Diharapkan mereka akan terus setia bersama PKINK dan sentiasa bersedia untuk berkongsi pengalaman dan kebolehan yang menjadi impian kepada anggota-anggota lain.

Syabas

SELAMAT BERSARA HAJI NIK MUSTAPHA



telah menaburkan khidmat bakti selama 23 tahun di PKINK, tibalah masanya Tuan Hj. Nik Mustapha Muhamad, Timbalan Ketua Eksekutif (HEK) menamatkan perkhidmatannya pada 15 Januari 2000 kerana pearsaraan wajib.

Memulakan kerjayanya di PKINK sebagai Pegawai Tadbir pada 1 Februari 1977, di Bahagian Projek. Beliau telah menjulankan setiap tugas dan amanah yang diberikan dengan penuh hemah dan dedikasi. Lantaran kesungguhan, kewihawaan serta sikap yang sentiasa ingin maju, beliau telah ditempatkan di beberapa buah syarikat milik PKINK serta ditukarkan ke lain-lain bahagian sesuai dengan kebolehannya.

Kronologi Perkhidmatan Tuan Haji Nik Mustapha dengan PKINK sebagaimana berikut:.....

- 4 Februari 1979 berkhidmat di Usaha Niaga Kelantan Sdn. Bhd.
- 1 Jun 1979 bertugas di Syarikat Italasia (KB) Sdn. Bhd.
- 1 Oktober 1982 dinaikkan pangkat ke jawatan Pegawai Tadbir Tingkatan Kanan.
- 12 Mei 1983 hingga 9 Julai 1983 mengikuti Seminar-On Trade Promotion anjuran Rancangan Colombo di Jepun.
- 30 Mac 1987 dianugerahkan Pingat Ahli Setia Mahkota Kelantan (ASK)



Perbadanan. Sebelum dilantik memegang jawatan Timbalan Ketua Eksekutif (HEK), beliau merupakan Pengurus Besar Darulnaim Agro Management Industries Sdn. Bhd. (DAMAI) dan pernah meneraju Kelantan Baja Corporation (KBC). Kedua-dua syarikat ini merupakan syarikat anak kepada PKINK. Malah beliau pernah menduduki kerusi Ahli Lembaga Pengarah Perbadanan di sekitar tahun 1980-an.

Beliau telah berkeluarga dan hasil perkongsian hidup dengan Puan Hajjah Zaharah Rosminah bt Amaluddin, mereka telah dikurniakan empat orang cahaya mata dan diserikan lagi dengan kehadiran dua orang cucu penghibur hati.

Seluruh warga PKINK mengucapkan tahniah atas perlintikannya. Semoga Tuan Haji Hanifa akan terus mencurahkan khidmat bakti dengan lebih cemerlang demi untuk memajukan lagi PKINK di alaf baru yang semakin mencabar.

oleh KDYMM Al-Sultan Kelantan.

- 1 Mac 1989 berpindah ke Bahagian Pentadbiran.
- 21 Mei 1990 hingga 13-Julai 1990 mengikuti Kursus 34th. Management Development Programme di Filipina.
- 16 Februari 1992 dilantik sebagai Pengurus Kanan Operasi
- 1 Februari 1994 dilantik sebagai Ketua Sektor Pelancongan PKINK
- 1 Ogos 1995 dilantik sebagai Pengurus Besar Kelrest Holdings Berhad
- 1 Oktober 1998 dilantik sebagai Timbalan Ketua Eksekutif PKINK (HEK) yang merupakan jawatan terakhir sebelum bersara pada 15 Januari 2000.

Sebagai menghargai sumbangan dan khidmat baktinya dengan PKINK, beliau telah diraikan dalam satu majlis khas pada 20 Januari 2000 yang dihadiri oleh sebahagian besar anggota PKINK.

Kami ucapkan Selamat Berpisah dan Selamat tempuhi alam baru. Diharapkan semoga sentiasa sihat sejahtera dalam melewati usia dan kelapangan waktu yang ada. Sampai-sampaikan salam serta khabar-khabarkan berita untuk kami semua. Sekali hubungan terjalin tak terputus selagi hayat dikandung badan. Wassalam.....



Sekacip Pinang.....

Patah tumbuh hilang berganti ialah perumpamaan Melayu yang masih terus segar hingga ke hari ini. Begituulah juga putaran anggota kerja di Perbadanan. Berikutan pearsaraan wajib Tuan Haji Nik Mustapha Muhamad pada 15 Jan 2000 lalu, PKINK mengalu-alukan kedatangan pengganti beliau iaitu Tuan Haji Hanifa b. Ahmad untuk menyandang jawatan Timbalan Ketua Eksekutif, Hal Ehwal Korporat (HEK).

Dilahirkan pada 8 Ogos 1946, dalam usianya menjangkau 54 tahun, perlintikan beliau memang bertepatan, ditambah lagi dengan pengalaman-pengalaman lampau dan kelayakan profesional yang dimiliki. Beliau bukannya orang lain kepada

Dilahirkan pada 8 Ogos 1946, dalam usianya menjangkau 54 tahun, perlintikan beliau memang bertepatan, ditambah lagi dengan pengalaman-pengalaman lampau dan kelayakan profesional yang dimiliki. Beliau bukannya orang lain kepada

HOTEL PERDANA DAN PERDANA RESORT TANDATANGANI PERJANJIAN USAHASAMA DENGAN UiTM



EKTOR perhotelan sentiasa menuntut perkhidmatan yang terbaik bagi memenuhi kehendak dan permintaan pelanggan yang tidak pernah surut. Dalam konteks ini Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Kelantan yang menawarkan Kursus Sijil Pengendalian Hotel (HCO3) telah mencari pendekatan baru bagi mendedahkan para pelatihnya kepada suasana kerja yang sebenar. Baru-baru ini, UiTM telah menandatangani Perjanjian Usahasama Sijil Operasi dengan Hotel Perdana dan Perdana Resort. Menerusi Perjanjian tersebut, kedua-dua hotel milik PKINK ini dengan secara rasminya dipilih dan dipersetujui sebagai Pusat Latihan Industri "Multi-Skilling" untuk para pelatih yang mengambil kursus tersebut di UiTM.

Tuan Hj. Wan Yahya Wan Salleh, Pengarah Eksekutif Hotel Perdana melahirkan rasa syukur dan terima kasih kepada pihak UiTM kerana memilih hotel milik PKINK bagi melatih pelajar-pelajarnya. Selain itu, secara tidak langsung akan memperkembangkan minat di kalangan remaja untuk menyertai sektor perhotelan dan mutu perkhidmatan yang di bidang perhotelan di negeri ini dapat dipertingkatkan. Berucap di majlis yang

sama, Rektor UiTM, Datuk Profesor Ir. Dr. Haji Ahmad Zaidee Laidin berkata usaha tersebut merupakan pendedahan dan orientasi awal dalam bidang perhotelan untuk mempertingkatkan perkhidmatan. Manakala penawaran dan pengendalian kursus ini pula merupakan satu bonus untuk negeri Kelantan kerana belum ada mana-mana institusi pengajian tinggi yang berbuat demikian di negeri ini.

Jangkasama kerjasama tersebut dipersetujui untuk tempoh lima tahun. Ini memberi peluang kepada kedua-dua hotel milik PKINK menerima pelajar dan memberikan latihan teori untuk satu bulan pertama manakala untuk lima bulan berikutnya para pelajar akan didedahkan dengan latihan praktikal iaitu suasana kerja yang sebenar merangkumi beberapa jabatan utama hotel iaitu Front Office, Food & Beverage Service dan House Keeping.

Semua pihak yang terbabit dalam pengendalian kursus dan kerjasama tersebut mengharapkan peluang berkenaan akan benar-benar dimanfaatkan sejajar hasrat untuk menyediakan dan melahirkan tenaga kerja hotel yang berkualiti. Diharapkan juga kerjasama ini akan terus berpanjangan. Insya Allah.

KEBERKESANAN PROGRAM "5-S" BAGI KAKITANGAN DAN PENGURUSAN HOTEL PERDANA



K

E arah melahirkan kakitangan dan mutu perkhidmatan yang cemerlang dan produktif, Hotel Perdana telah mengambil inisiatif yang berkonsepkan kemajuan diri untuk memantapkan kakitangan dan pihak pengurusannya.

Program "5-S" adalah salah satu projek yang sedang dilaksanakan oleh Hotel Perdana dengan khidmat nasihat tenaga pengajar daripada Perbadanan Produktiviti Negara (NPC). Program ini diadakan bertujuan untuk mendedahkan peserta kursus kepada konsep "5-S" secara lebih mendalam. Di samping itu menjadikannya amalan dan pendekatan kepada setiap diri kakitangan dan pengurusan hotel. Program "5-S" telah dimulakan sejak Oktober 1999 dan merupakan tambahan kepada Total Quality Management (TQM) yang dijalankan secara berterusan sejak tahun 1997.

Dua orang tenaga pengajar yang mahir daripada

NPC tersebut adalah Encik Nik Rosdi Nik Yusof dan Encik Suhaimi Ahmad telah dijemput oleh Hotel Perdana untuk mengendalikan kursus "5-S" diadakan selama dua hari iaitu pada 30 dan 31 Januari 2000.

Konsep "5-S" yang berasal dari Jepun ini merangkumi peraturan-peraturan yang ditetapkan bagi penjagaan kebersihan dan penyelenggaraan tempat kerja. Melalui program ini, secara tidak langsung akan mendorong para pekerja supaya menjadi lebih berdisiplin. Di samping itu juga, ia dapat menambahkan semangat kerja berpasukan dan lebih peka kepada pekerjaan bagi menghasilkan kecekapan serta mutu kerja yang berkualiti.

Usaha ini akan terus dipraktikkan sebagai salah satu langkah untuk mempertingkatkan lagi perkhidmatan kepada pelanggan dan produktiviti kerja serta penyelesaian semua kakitangan selaras dengan objektif dan matlamat syarikat.



PENYAMPAIAN ANUGERAH TAHUNAN MURNI HATCHERY



Pada 27 Syawal 1420 H bersamaan 3 Februari 2000, Murni Hatchery Sdn. Bhd. (MHSB) telah mengadakan Majlis Jamuan Hari Raya bertempat di Ladang Kg. Baru Bechah Kemuning, Machang. MHSB ditubuhkan pada 1995, melaksanakan projek memternak ayam baka dan pengeluaran anak ayam. Mempunyai seramai 26 orang pekerja dan beroperasi di ladang seluas 62 ekar. MHSB mampu mengeluarkan 320,000 ekor anak ayam sebulan, dan usaha untuk mempertingkatkan pengeluaran terus dipergiatkan.

Pada majlis jamuan Hari Raya tersebut yang turut dihadiri oleh ahli-ahli Lembaga Pengarah, syarikat telah mengadakan Penyampaian Anugerah Tahunan yang telah disempurnakan oleh Tuan Haji Wan Adnan selaku Pengerusi Lembaga Pengarah MHSB. Selain bersifat tekun dan rajin, ciri-ciri yang turut menjadi kriteria dalam pemilihan *Pekerja Dedikasi* ialah bertanggungjawab terhadap semua tugas dan sentiasa menjalinkan persefahaman dan bekerjasama.

Mereka yang berjaya menerima anugerah pada tahun ini ialah :

- En. Ismail Mamat (Unit Ladang)
- En. Arif Sulaiman (Unit Am)
- En. Hussin Mamat (Unit Hatchery)

Buat mereka Berita PKINK ucapkan syabas!!!

PAS TANJUNG KARANG LAWAT PKINK



Pada 26 Syawal 1420H bersamaan 7 Februari 2000 (Isnin), rombongan seramai 80 orang ahli PAS Tanjung Karang, Selangor telah mengadakan lawatan ke PKINK. Lawatan itu merupakan sebahagian dari aturcara rombongan ingin melihat sendiri keadaan dan pembangunan di Kelantan.

Semasa di PKINK, rombongan tersebut telah mengikuti taklimat tentang peranan dan penglibatan PKINK dalam melaksanakan projek-projek pembangunan di negeri ini. Taklimat disampaikan oleh En. Mohd Adilan Mat Jusoh, Pegawai Perhubungan Korporat PKINK. Rombongan tersebut juga diraikan dengan jamuan makan tengahari sebelum bersurai untuk meneruskan agenda lawatan mereka ke tempat lain di Kelantan.



ANGGOTA PKINK DERMA 23 PAIN DARAH

"SETITIK DARAH SEDENYUT NADI" bukannya satu ungkapan basi. Sebagai manusia yang punya hati dan perasaan tentunya kita tidak sanggup untuk melihat penderitaan yang dialami oleh orang lain. Dalam hubungan ini, BSK PKINK dengan kerjasama Unit Tabung Darah HUSM, Kubang Kerian telah menganjurkan kempen menderma darah. Kempen tersebut diadakan khusus untuk anggota-anggota PKINK bertempat di ruang legar bangunan PKINK, pada 18 Zulkaedah 1420H bersamaan 24 Februari 2000. Pelbagai ragam dan telatah yang sempat dirakamkan. Ada di kalangan anggota yang menggejut pucat atau peranjat kerana ramal dari kalangan penderitaan tidak pernah berbuat demikian sebelum ini. Di antara takut, usikan dan kelakar kempen pada hari tersebut telah berjaya mengumpul sebanyak 23 pain darah yang akan disimpan di Tabung Darah HUSM. Bakti yang dicurah ini sedikit sebanyak diharap dapat membantu mereka yang memerlukannya.



KEKWA Kian Glamour.....



empena Hari Keputeraan KDYMM Al-Sultan Kelantan yang ke-50 tahun ini, Kelab Kebajikan Wanita ESK PKINK (KEKWA) dijemput sekali lagi menyertai Pertandingan Kraftangan & Masakan Tradisional yang diadakan pada 20 Zulhijjah 1420H bersamaan 26 Mac 2000 di Kampung Kraftangan. Empat kategori masakan iaitu Masakan

Lidah, Solok Ikan, Kuih Kasut Cawan/Lompang dan Tepung Manis Beras Pulut, dan satu kategori kraftangan iaitu Gubahan Rempah, telah dipertandingan yang mana KEMPERA menurunkan wakil untuk setiap kategori. KEMPERA amatlah

berterimakasih kepada anggotanya kerana sudi untuk turut serta walaupun tidak mempunyai banyak pengalaman dalam kategori yang dipertandingkan.

Alhamdulillah, berkat kesungguhan peserta dan ahli jawatankuasa kerja, penyertaan KEMPERA kali ini berjalan dengan lancar seperti tahun-tahun sebelumnya. Tak adalah kasut tak berlobang sepertimana yang ditakut-takutkan. cuma, tepung manis terketar-ketar adalah!!! Bagaimanapun, KEMPERA gagal mengelakkan johan keseluruhan yang dimenangnya sebelum ini



dan hanya menduduki tempat kedua untuk solok ikan dan tempat ketiga untuk tepung manis.

Tahun depan, insya'allah KEMPERA akan terus mencuba untuk merampas kembali piala pusingan....

